

**TEKS UCAPAN DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI  
SEMPENA PERASMIAN BENGKEL PAYONG, JAHITAN DAN BATIK DI  
KAMPONG GELANG MAS GELANG MAS, PASIR MAS, KELANTAN  
06 APRIL 1995**

1. Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala yang telah mempertemukan kita dalam majlis pada petang ini .

2. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Seri Sanusi Junid, Menteri Pertanian Malaysia yang telah memberi penghargaan kepada saya untuk merasmikan projek Bengkel Payong, Jahitan dan Batik yang dilaksanakan oleh Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA), di Kampong Gelang Mas ini.

3. Kementerian Pertanian serta Jabatan-jabatan dan Agensiagensi di bawahnya telah memainkan peranan yang penting terutama akhir-akhir ini, dalam melahirkan program-program yang bermakna untuk diceburi oleh peladang-peladang di seluruh tanahair. Kalaudahulu program-program Kementerian Pertanianhanya semata mata terbabit dalam aktiviti pengeluaran makanan asas untuk rakyat negara ini, kini, Kementerian Pertanian turut terbabit dalam pelbagai aktiviti lain yang dapat memanfaatkan segenap lapisan masyarakat, terutama penduduk yang tinggal di desa-desa, seperti di Kampong Gelang Mas ini.

4. Tumpuan baru yang diberikan oleh pihak Kementerian ini adalah wajar kerana ianya menekankan usaha meningkatkan sosioekonomi isi rumah petani dan peladang, dengan tumpuan yang lebih di beri kepada penanaman padi, getah, kelapa sawit atau tembakau.

5. Saya difahamkan bahawa pihak KADA sedang giat berusaha untuk membebaskan atau memerdekakan petani-petani daripada terus terikat kepada penanaman padi di atas bumi yang sempit, di bawah konsep ladang merdeka. Saya kira tuan-tuan dan puan-puan lebih mengetahui mengenai projek ladang merdeka ini, yang telah dilaksanakan oleh KADA di Meranti, tidak berjauhan dari sini dan begitu juga di Bendang Senor, juga disekitar kawasan Meranti ini.

6. Mengikut konsep ladang merdeka ini, tuan-tuan punya tanah tidak lagi perlu menanam padi secara persendirian bahkan sawahsawah boleh diusahakan oleh satu pengurusan pusat yang profesional, secara estet. Petani-petani akan menerima hasil pulangan bersih pada setiap akhir musim tanpa perlu turun ke sawah.

7. Dengan langkah yang diusahakan oleh KADA ini, saya yakinkan percaya, peladang-peladang yang terbabit boleh mula mencari pendapatan tambahan untuk keluarga dengan cara mencebur diri dalam pelbagai usaha sampingan yang lain.

8. Contoh nyata yang kita sama-sama lihat pada petang ini ialah pelaksanaan

projek Bengkel Payong, Jahitan dan Batik yang berpusat di Kampong Gelang Mas ini, khusus bagi penduduk sekitar dan penduduk dari jajahan Pasir Mas dan Tumpat secara amnya.

9. Saya mengkagumi sifat rajin dan kebijaksanaan yang lazimnya wujud di kalangan rakyat negeri Kelantan. Kelantan memang masyhur dengan songket, batik dan hasil kraftangan yang halus dan bermutu semenjak turun temurun.

10. Tetapi malangnya, bakat yang sedia ada pada masyarakat Kelantan agak terbiar tanpa mendapat bimbingan sewajarnya. Kini negeri ini didapati ketandusan perusahaan-perusahaan dalam bidang yang berkaitan, yang mampu menyerap tenaga-tenaga mahir yang amat berpotensi.

11. Justeru itu, kita dapati, rakyat Kelantan berduyun-duyun ke Johor, Kuala Lumpur, Pulau Pinang bahkan ke Singapura untuk mencari pekerjaan bagi menampung sara hidup keluarga mereka. Fenomena penghijrahan ini tidak lagi sesuatu yang asing bagi rakyat negeri ini. Adalah dianggarkan bahawa lebih daripada 30,000 beliawanis dan wanita muda turut terbabit dalam operasi pengeksporan tenaga dari Kelantan ke lain negeri di Semenanjung.

12. Penglibatan wanita-wanita muda yang berhijrah beramai-ramai ke negeri lain, jauh dari kawalan ibu bapa, tentunya boleh membawa pelbagai gejala sampingan yang tidak diingini.

13. Keadaan ini tentulah tidak berlaku sekiranya lebih banyak perusahaan diwujudkan di kampung dan desa. Pendapatan yang diterima di Johor atau Kuala Lumpur mungkin lebih tinggi- tetapi kos sara hidup adalah juga tinggi. Memandangkan kos sara hidup di negeri ini adalah masih rendah, lebih-lebih lagi kepada penduduk Gelang Mas yang tinggal berjiran dengan negara Thai, saya kira pendapatan RM10 di sini adalah jauh lebih baik daripada pendapatan RM30 di tempat lain.

14. Oleh yang demikian, usaha KADA untuk memperkenalkan 'cottage industry' untuk diceburi oleh anggota masyarakat adalah satu langkah yang baik. Saya mengkagumi usaha untuk memperkenalkan satu industri terbaru di negara ini iaitu pembuatan payung kertas yang menjadi hiasan dan kegemaran kebanyakan kaum wanita.

15. Seandainya setiap kampung menyerap 50 orang daripada penduduknya ke dalam sektor industri desa, maka 218 kampung K3P KADA, seperti Kampong Gelang Mas, Kampong Apa-Apa, Kampong Chat, Kampong Anal, Kampong Jal dan lain-lainnya akan dapat menampung seramai 10,900 pekerja bagi ahli masyarakatnya.

16. Menjelang tahun 2020 nanti, masyarakat kita wajib memiliki pelbagai ilmu dan kemahiran supaya kita dapat menyaingi keluaran negara-negara lain. Penduduk Kelantan tentu lebih dapat merasai saingan daripada jirannya negara Thai. Kalau ilmu tidak berkembang, kemahiran tidak dikuasai, sikap tidak diperbetuli, nescaya wang

kita akan terus mengalir ke luar untuk memberi manfaat kepada orang lain walhal rakyat kita sendiri akan terus terabai.

17. Akhirnya saya ingin menyeru kepada penduduk KADA amnya dan penduduk Gelang Mas khususnya supaya bertekad membangun ekonomi setempat. Dengan wujudnya kekuatan ekonomi, maka aktivitiaktiviti hidup kita yang lain akan turut sempurna dan kita akan dapat menunaikan segala tuntutan Allah Subhanahu wa Ta'ala.

18. Dengan ini, saya dengan sukacitanya merasmikan projek Bengkel Payong, Jahitan dan Batik.